



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 10 Julai 2026

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 10 TAHUN 2026

PEMAKLUMAN BERKENAAN KEPERLUAN MELAKSANAKAN PENILAIAN PRESTASI
PERTENGAHAN TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan Pemacluman Berkaitan Pelaksanaan Penilaian Prestasi Mengikut Tempoh Yang Dijadualkan (No. rujukan: JPA.100-1/4/2(49)) bertarikh 16 Jun 2026 adalah berkaitan.

2. Sepertimana sedia maklum, pelaksanaan sistem *MyPerformance* bertujuan membudayakan amalan memberi maklum balas serta pelaksanaan penilaian prestasi secara berterusan dan bukan hanya pada penghujung tahun. Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat edaran tersebut telah menetapkan bahawa penilaian prestasi bagi kelima-lima elemen di bawah modul *MyPerformance* hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun mengikut tempoh yang dijadualkan seperti berikut:

Tempoh Penilaian		Peranan / Tanggungjawab	
		Pegawai Penilai (PP)	Pegawai Yang Dinilai (PYD)
Pertengahan Tahun	1 Julai – 31 Julai	Mengemaskini pencapaian dan melaksanakan penilaian prestasi	
Penghujung Tahun	1 Januari – 31 Januari tahun berikutnya	Mengemaskini pencapaian dan melaksanakan penilaian prestasi	

3. Bagi memastikan pelaksanaan penilaian prestasi di Lembaga Getah Malaysia (LGM) dilaksanakan secara teratur dan mematuhi tempoh yang ditetapkan oleh JPA, semua Pegawai Yang Dinilai (PYD), Pegawai Penilai (PP) dan Pegawai Penilai Pelbagai Peringkat (P3P) hendaklah melaksanakan tindakan bagi setiap sub modul dalam *MyPerformance* mengikut garis masa seperti berikut:

Sub Modul	Tindakan	Tanggungjawab	Tarikh Akhir
Sasaran Kerja Utama (SKU)	Mengemaskini pencapaian dan hantar kepada PP	PYD	14 Julai 2026
	Mengesahkan pencapaian PYD	PP	20 Julai 2026
Kompetensi Fungsian (KF)	Melaksanakan penilaian terhadap PYD	PP	22 Julai 2026
Kompetensi Tingkah Laku	Melaksanakan penilaian terhadap PYD	PP	24 Julai 2026
Nilai Sepunya	Melaksanakan penilaian sendiri	PYD	25 Julai 2026
	Melaksanakan penilaian terhadap PYD	P3P	27 Julai 2026
Penglibatan dan Sumbangan	Mengemas kini maklumat penglibatan dan sumbangan serta hantar kepada PP	PYD	28 Julai 2026
	Mengesahkan pencapaian PYD	PP	30 Julai 2026

4. Tatacara pengisian dan penilaian oleh PYD dan PP adalah seperti di **Lampiran 1**, manakala tatacara pelaksanaan penilaian oleh P3P adalah seperti di **Lampiran 2**.

5. Selain itu, semua Pengarah Bahagian, Ketua Unit, Pengarah Wilayah dan Pengurus Stesen adalah dipohon untuk memastikan **Kamus Kompetensi Fungsian beserta skala** bagi setiap jawatan yang telah diwujudkan di bahagian/unit/stesen/pejabat masing-masing dikongsikan kepada semua pegawai dan pekhidmat di bawah seliaan. Langkah ini adalah penting bagi memastikan setiap PYD memahami kompetensi fungsian yang telah ditetapkan bagi jawatan masing-masing, seterusnya mengetahui jangkaan tahap kompetensi dan sasaran yang perlu dicapai sebagai panduan dalam pelaksanaan tugas serta penilaian prestasi melalui modul *MyPerformance*.

6. Kerjasama dan komitmen semua pegawai dan pekhidmat LGM dalam memastikan pelaksanaan penilaian prestasi ini disempurnakan mengikut tempoh yang ditetapkan amatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(EMILIA BINTI KASSIM)